



KLON UPSR 2019

MARKAH		
Pemahaman	Penulisan	JUMLAH
50	50	100

PEMAHAMAN

Satu jam lima belas minit

Bahagian A [20 markah]

Soalan 1 hingga 8

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

- 1 Petugas kaunter : Boleh saya bantu encik?
Encik Ramli : Sekiranya _____
ingin mengirim bungkusan
ini ke Langkawi, _____
bayaran yang dikenakan?

A saya ... berapakah
B mereka ... apakah
C kami ... di manakah
D awak ... bagaimanakah

- 2 Zaidan asyik memerhatikan cahaya
_____ yang berterbangan berhampiran
tapak perkhemahannya pada waktu malam.

A rama-rama
B kupu-kupu
C riang-riang
D kunang-kunang

- 3 Jelas kelihatan banyak ikan yang berenang di
dalam sungai yang terletak di sebuah pulau
kerana airnya jernih _____.

A agak
B amat
C terlalu
D paling


- 4 Ah Keong gagal menghantar e-mel kepada
teman rapatnya yang berada di luar negara
kerana _____ Internet di kawasan itu
kurang memuaskan.

A tercapaian
B mencapai
C capaian
D dicapai

- 5 Encik Saufi ialah jurutera berpengalaman
_____ dalam kejuruteraan mekanikal di
syarikatnya.

A kukuh
B tinggi
C jauh
D luas

Soalan 6 berdasarkan gambar di bawah.



- 6 Kapal peronda itu _____ bot nelayan
asing kerana mencerooboh kawasan perairan
Malaysia.

A menunda
B membawa
C memandu
D menolak

- 7 Celoteh _____ radio itu pada setiap pagi
membuatkan pendengar berasa terhibur.

A juruacara
B jurucakap
C juruhebah
D jurubahasa

- 8 Walaupun telah ditayangkan berulang kali, filem P. Ramlee _____ mendapat sambutan orang ramai.
A harus
B masih
C sudah
D hendak

Soalan 9 dan 10

Pilih **peribahasa** yang sesuai.

- 9 Janganlah bersikap seperti _____, bercakap banyak tetapi tidak berilmu.
A tin kosong
B mulut murai
C bertih digoreng
D mulut tempayan
- 10 Suzana merupakan satu-satunya anak tunggal Encik Hamdi dan Puan Rosnah. Dia diberikan sepenuh kasih sayang ibarat _____.
A bulan jatuh ke riba
B cincin dengan permata
C air dicencang tiada putus
D menatang minyak yang penuh

Selesai sahaja majlis keraian diraja, Puteri Balqis segera berangkat ke kamarnya kerana berasa sangat mengantuk.

- 11 Berdasarkan rangkai kata bergaris dalam situasi di atas, apakah yang akan dilakukan Puteri Balqis selepas itu?
A bersantap
B beradu
C bersiram
D berkenan
- 12 Hang Tuah dan Hang Jebat adalah antara pahlawan yang terbilang pada Zaman Kesultanan Melayu Melaka.
Pilih perkataan **sinonim** bagi terbilang.
A terpuji
B tertangkas
C termasyhur
D teristimewa

- 13 Penebangan hutan yang berleluasa adalah faktor utama mengapa haiwan liar semakin pupus.

Pilih perkataan **antonim** bagi pupus.

- A** hilang
B kekal
C kukuh
D lenyap

- 14 Pilih jawapan yang sesuai bagi **ayat tanya** yang diberikan.

Siapakah yang membantu orang kurang upaya itu menyeberang jalan?

- A** Amin dan orang kurang upaya itu bantu-membantu untuk menyeberang jalan.
B Amin telah dibantu oleh orang kurang upaya itu untuk menyeberang jalan.
C Ya, orang kurang upaya itu menyeberang jalan sambil dibantu Amin.
D Amin yang membantu orang kurang upaya itu menyeberang jalan.

Soalan 15 dan 16

Pilih ayat yang **betul**.

- 15 **A** Rumah papan yang baru dibeli Aman terletak antara surau dan kedai.
B Aira akan didenda jika sekiranya dia lambat lagi tiba di sekolah.
C Berita utama tentang gempa bumi yang melanda negara jiran disiarkan dari semasa ke semasa.
D Farhan sanggup bergadai harta demi untuk menjaga adik-adiknya yang masih kecil.
- 16 I Sebagai ketua kelab, Zambri berharap agar sikap bekerjasama serta bantu-membantu patut diamalkan.
II Bibir yang kemerahan seperti delima itu mencantikkan wajahnya.
III Pucuk gajus mempunyai pelbagai khasiat dan boleh dijadikan ulam.
IV Tiap hari Safiah akan bangun awal dan mengemas katilnya.
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Soalan 17

Pilih ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberikan.

17 “Saya berharap agar semua murid sekolah ini menjaga nama baik sekolah serta belajar dengan bersungguh-sungguh,” kata Cikgu Azman dalam ucapannya.

A Cikgu Azman menyampaikan ucapannya berharap agar semua murid mengharumkan nama sekolah serta bersungguh belajar.

B Semasa berucap, Cikgu Azman mendesak semua murid memelihara nama baik sekolah dengan belajar bersungguh-sungguh

C Dalam ucapannya, Cikgu Azman mengharapkan semua murid-murid menjaga nama baik sekolah dengan belajar bersungguh-sungguh.

D Cikgu Azman berharap agar semua murid menjaga nama baik sekolah dan belajar bersungguh-sungguh.

Soalan 18 hingga 20

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) ialah satu istilah teknologi maklumat yang menekankan peranan penyepaduan telekomunikasi serta komunikasi bersatu yang membolehkan pengguna mengakses, menyimpan, menghantar dan memanipulasi maklumat kepada penerima yang merangkumi teknologi seperti telefon bimbit, komputer, Internet, sistem satelit, mesin faksimile dan seumpamanya.

Penggunaan TMK *memberi kemudahan* dalam bidang pendidikan khususnya, misalan penggunaan komputer dan Internet akan membantu memudahkan tugas pengajaran menjadi lebih cepat dan berkesan. Guru boleh menggunakan komputer sebagai medium penyebaran ilmu kepada para murid.

Selain itu, penggunaan TMK dapat mengeratkan hubungan antara individu. Individu dapat berhubung dengan ahli keluarga dan sahabat handai pada bila-bila masa melalui Internet, e-mel, telefon bimbit dan sebagainya. Penggunaan Internet juga membolehkan kita melayari laman sesawang untuk memperoleh maklumat, membayar bil, mengurus niaga dan sebagainya.

Di samping itu, kita boleh meramalkan cuaca dan bencana alam dengan lebih tepat dan terperinci dengan menggunakan sistem satelit. Bencana alam yang sering berlaku seperti banjir, ribut taufan, tsunami dan gempa bumi. Kita boleh melakukan persediaan awal bagi mengelakkan kerugian harta benda serta kehilangan nyawa apabila adanya bantuan satelit.

18 Berdasarkan petikan, yang manakah bukan teknologi dalam TMK sebagai penyampai maklumat?

- A Surat
- B Internet
- C Sistem satelit
- D Mesin faksimile

19 Penggunaan satelit memberi kelebihan kepada manusia, iaitu

- A mengelakkan gempa bumi.
- B meramal ribut taufan.

C menghalang banjir.

D mengubah cuaca.

20 Rangkai kata *memberi kemudahan* dalam petikan bermaksud

- A menyampaikan pengetahuan.
- B mendatangkan faedah.
- C membawa perubahan.
- D membuka peluang.

BAHAGIAN A TAMAT

Bahagian B

[30 markah]

Soalan 21

(a) Pilih **perkataan antonim** yang paling sesuai bagi perkataan bergaris. Tulis jawapan kamu pada ruang yang disediakan.

labuh
bising

pendek
terik

mendung
kemarau

Contoh:

Cuaca pada hari ini boleh dijangkakan cerah sepanjang hari.

mendung

(i) Murid-murid di dalam makmal sains itu senyap ketika mendengar pengumuman dari guru kelas mereka.

(ii) Negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia kebiasaanya akan dilanda musim tengkujuh pada bulan November.

(iii) Fazlina memakai baju berlengan panjang ketika menjalani latihan bola jaring.

[3 markah]

(b) Tulis **BETUL** atau **SALAH** pada ruang yang disediakan bagi penggunaan perkataan yang bergaris dalam ayat-ayat di bawah.

(i) Lagu-lagu patriotik yang sentiasa disiarkan di televisyen sempena hari kebangsaan dapat menimbulkan perasaan cinta akan negara.

(ii) Kegagalan dalam pertandingan bercerita tidak mematah semangat Zulfadhli untuk berusaha dengan lebih gigih.

(iii) Kesedaran tentang keselamatan diri murid-murid di sekolah perlu dipertingkatkan untuk mengelakkan kemalangan berlaku di sekolah.

[3 markah]

Soalan 22

(a) Pilih **simpulan bahasa** yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.

telinga kualí

pekak badak

akal kancil

ulat buku

(i) Juhara digelar _____ kerana selalu mengulang kaji pelajaran pada waktu lapang di perpustakaan.

(ii) Pekerja asing yang sedang bertugas itu tidak menyahut panggilan majikannya kerana dia _____.

[2 markah]

(b) Pilih dan tandakan ☒ bagi ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.

(i) “Tolong berikan makanan dan minuman ini kepada kucing itu,” kata Zahid kepada Khairi

Khairi menolong Zahid memberikan makanan kepada kucing itu.	
Zahid meminta Khairi memberikan makanan dan minuman ini kepada kucing itu.	

(ii) “Murid-murid, acara perbarisan akan bermula pada pukul 8.00 pagi,” Kata Cikgu Ramli.

Cikgu Ramli memberitahu murid-muridnya bahawa acara perbarisan akan bermula pada pukul 8.00 pagi.	
Pada pukul 8.00 pagi, Cikgu Ramli memberitahu murid-muridnya bahawa acara perbarisan akan bermula.	

[2 markah]

Soalan 23

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pada cuti sekolah yang lalu Mikail dan keluarganya bercuti di Bandung, Indonesia. Mereka sekeluarga bertolak dari rumah pada pukul 9.00 pagi. Kira-kira dua jam kemudian, Mikail sekeluarga tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Setibanya di KLIA, Mikail sekeluarga sangat gembira membayangkan betapa menariknya keadaan di sana. Alangkah seronoknya apabila dapat bercuti bersama-sama keluarga di negara orang. Sebaik sahaja sampai di Bandung, pemandu pelancong menguruskan tempat penginapan. Selepas itu, mereka sekeluarga bersiar-siar di sekitar hotel penginapan mereka.

Pada keesokan harinya, mereka melawat ke tempat-tempat yang menarik. Tempat pertama yang dilawati oleh mereka dikenali Pasar Baru. Mikail tertarik dengan pelbagai jenis makanan dan barangan yang dijual di pasar tersebut dan tidak melepaskan peluang membeli cenderamata sebagai tanda kenangan.

Hari berikutnya, Mikail sekeluarga menuju ke Tangkuban Perahu iaitu lokasi kawasan gunung berapi aktif yang terkenal di Indonesia. Mikail dan keluarga perlu memakai topeng muka untuk menghalang daripada terbau belerang yang kuat

Selepas itu, Mikail sekeluarga mengunjungi pasar Terapung yang menjual pelbagai jenis makan seperti sate arnab, bakso, dan lain-lain. Mikail dan keluarga menikmati makanan dengan penuh berselera. Selain itu, Mikail dan keluarga berpeluang menaiki bot dan menerokai Taman Jepun yang unik di situ.

(a) Namakan tempat-tempat menarik di Bandung yang dilawati oleh Mikail dan keluarganya.

[2 markah]

(b) Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan tandakan (X) pada pernyataan yang salah.

(i) Mikail dan keluarganya sampai di KLIA pada jam 9.00 pagi.

☐

(ii) Tempat penginapan Mikail dan keluarganya diuruskan oleh pemandu pelancong.

☐

[2 markah]

(c) Pada pendapat kamu, apakah kebaikan-kebaikan melawat ke tempat-tempat menarik? Jawapan kamu hendaklah dalam ayat yang lengkap.

[3 markah]

Soalan 24 (a)

Teliti gambar di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pertandingan Usahawan Berjaya Unit Beruniform Sekolah

Tarikh : 10 hingga 17 Oktober 2021

Sasaran peserta : Semua kumpulan unit beruniform sekolah

Bilangan peserta : 6 – 12 orang setiap kumpulan

** 6 pendaftar awal akan menerima hadiah misteri*

Taklimat pertandingan akan diadakan pada:

Tarikh : 6 Oktober 2021

Hari : Rabu

Masa : 9.00 pagi

Tempat : Dewan SK Subang Indah

** Hadiah wang tunai disediakan untuk empat kumpulan yang mencatatkan jualan tertinggi*

** Sijil penyertaan akan diterima oleh setiap ahli kumpulan*

- (i) Bilakah tarikh taklimat pertandingan ini akan diadakan?

[1 markah]

- (ii)

Kumpulan Puteri Islam merupakan kumpulan ketiga mendaftar dan mencatatkan jualan kedua tertinggi.

Apakah ganjaran-ganjaran yang akan diterima oleh mereka?

[2 markah]

BAHAGIAN B TAMAT

Soalan 24 (b)

Teliti catatan aktiviti di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

AKTIVITI KADET BOMBA SEKOLAH

Tugasan : Membuat kerja di luar sekolah untuk menambah wang tabungan persatuan.

- mengemas laman rumah
- mengecat pagar rumah

Upah : RM 10 hingga RM 30

Hari : Setiap hari Sabtu dan Ahad sepanjang bulan November

Masa: 8.00 pagi hingga 1.00 tengah hari.

- (i) Apakah tujuan aktiviti Kadet Bomba Sekolah tersebut?

[1 markah]

- (ii) Selain mengemas laman dan mengecat pagar rumah, nyatakan dua kerja luar sekolah yang sesuai dilakukan oleh ahli persatuan.

(a) _____

(b) _____

[2 markah]

- (iii) Pada pendapat kamu, apakah faedah-faedah menyertai aktiviti seperti yang dinyatakan dalam iklan dan catatan?


Jawapan kamu hendaklah dalam ayat yang lengkap.

[3 markah]

Soalan 25

Teliti gambar di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

AKTIVITI KECERIAAN KAWASAN SEKOLAH KEBANGSAAN MAWAR



(a) Berdasarkan gambar, nyatakan **dua** aktiviti yang sedang dilakukan oleh warga sekolah.

Contoh: menolak kereta sorong

(i) _____

(ii) _____

[2 markah]

(b) Nyatakan satu peribahasa yang sesuai berdasarkan situasi dalam gambar di atas.

[2 markah]


Bahagian A

[10 markah]

[Masa dicadangkan : 15 minit]

Gambar di bawah menunjukkan situasi di dalam Zoo Melaka.

Tulis **lima** ayat yang lengkap tentang gambar tersebut.




1

2

3

4

5



Bahagian B
[15 markah]
[Masa dicadangkan : 25 minit]


Keselamatan semasa bersukan perlu diberi perhatian oleh warga sekolah.

*Berdasarkan gambar-gambar di bawah, tulis ulasan tentang **keselamatan semasa bersukan** dalam bentuk perenggan.*

*Panjangnya ulasan kamu hendaklah **antara 50 hingga 80 patah perkataan**.*



mengikut arahan guru



memakai pakaian yang sesuai


KESELAMATAN SEMASA BERSUKAN



menggunakan alatan yang sesuai



mematuhi peraturan permainan



Bahagian C
[25 markah]
[Masa dicadangkan : 35 minit]

*Bahagian ini mengandungi dua soalan. Jawab **satu soalan** sahaja.*

*Panjangnya karangan kamu hendaklah **antara 80 hingga 120 patah perkataan.***

Soalan 1

Sekolah kamu baru sahaja selesai menjalankan aktiviti Minggu Keusahawanan.

Sebagai setiausaha Kelab Koperasi, kamu diminta untuk menyediakan laporan aktiviti tersebut.

Tulis laporan kamu itu selengkapnya.

ATAU


Soalan 2

Sekolah kamu telah mengadakan majlis sambutan Hari Kokurikulum. Kamu menyertai beberapa aktiviti dalam majlis tersebut.

Ceritakan pengalaman kamu semasa Hari Kokurikulum tersebut.

[illegible]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT



JAWAPAN

KLON UPSR 2019

Pemahaman Bahagian A

1 A	2 D	3 B	4 C	5 D
6 A	7 C	8 B	9 A	10 D
11 B	12 C	13 B	14 D	15 C
16 C	17 C	18 A	19 B	20 B

Bahagian B Soalan 21

- (a) (i) bising
(ii) kemarau
(iii) pendek
(b) (i) BETUL
(ii) SALAH
(iii) BETUL

Soalan 22

- (a) (i) ulat buku
(ii) pekak badak
(b) (i) Zahid meminta Khairi memberikan makanan dan minuman ini kepada kucing itu.
(ii) Cikgu Ramli memberitahu murid-muridnya bahawa acara perbarisan akan bermula pada pukul 8.00 pagi.

Soalan 23

- (a) Tempat-tempat yang menarik di Bandung yang dilawati oleh Mikail dan keluarganya ialah Pasar Baru, Tangkuban Perahu dan Pasar Terapung.
(b) (i) ✗
(ii) ✓
(c) Pada pendapat saya, kebaikan-kebaikan menyertai aktiviti seperti melawat ke tempat menarik ialah kita dapat menambahkan pengalaman serta mengenali asal-usul tempat yang dilawati.

Soalan 24

- (a) (i) Tarikh taklimat pertandingan ini akan diadakan pada 6 Oktober 2021.
(ii) Ganjaran-ganjaran yang akan diterima oleh mereka ialah hadiah misteri, hadiah wang tunai dan sijil penyertaan.
(b) (i) Tujuan aktiviti Kadet Bomba Sekolah tersebut ialah untuk menambah wang tabungan persatuan.
(ii) (a) melipat baju
(b) mengemas rumah
(iii) Pada pendapat saya, faedah-faedah menyertai aktiviti seperti dinyatakan dalam iklan dan catatan ialah kita dapat mengeratkan hubungan dalam kalangan ahli persatuan dan memupuk semangat kerjasama dalam diri masing-masing.

Soalan 25

- (a) (i) mengecat dinding
(ii) menyiram pokok bunga
(b) Satu peribahasa yang sesuai berdasarkan situasi dalam gambar di atas ialah bersatu kita teguh, bercerai kita roboh.

Penulisan

Bahagian A

- 1 Gambar menunjukkan situasi para pengunjung di dalam Zoo Melaka.
2 Terdapat beberapa orang pengunjung menaiki kereta api sambil melihat binatang yang ada di dalam sangkar seperti harimau dan beruang.

- 3 Sekumpulan kanak-kanak sedang bergembira melihat persembahan dua ekor gajah yang sedang bermain dengan bola.
4 Zakuan dan adiknya sedang memberi makanan kepada ikan-ikan yang terdapat di dalam kolam.
5 Encik Zul sedang bergambar bersama seekor cimpanzi yang sangat jinak dan manja.

Bahagian B

Aktiviti sukan dan permainan di sekolah merupakan satu aktiviti yang sihat untuk dilakukan oleh murid-murid di sekolah. Namun keselamatan semasa bersukan harus menjadi keutamaan.

Terdapat pelbagai cara untuk menjaga keselamatan semasa bersukan. Antaranya ialah dengan mengikut arahan yang ditetapkan sepanjang bersukan. Sebarang perkara yang melanggar arahan yang telah dibuat akan mendatangkan bahaya kepada setiap individu. Selain itu, kita digalakkan untuk memakai pakaian yang sesuai. Pakaian sukan yang boleh menyerap peluh dan memudahkan pergerakan menjamin keselesaan murid sepanjang bersukan. Tambahan lagi, kita hendaklah menggunakan alat yang sesuai mengikut umur, ketinggian dan keupayaan fizikal setiap individu. Akhir sekali adalah mematuhi peraturan permainan bagi mengelakkan dari berlakunya kecederaan.

Kesimpulannya, semua individu harus menitikberatkan keselamatan semasa bersukan.

Bahagian C

Soalan 1

Laporan Minggu Keusahawanan Sekolah Kebangsaan Nail

Kelab Koperasi Sekolah Kebangsaan Nail, Terengganu, telah mengadakan Minggu Keusahawanan selama seminggu bermula pada 2 hingga 6 Jun 2021 yang lalu. Minggu Keusahawanan tersebut telah dirasmikan oleh Haji Arman Irsyad bin Topah selaku Guru Besar sekolah disaksikan oleh guru-guru, ibu bapa dan murid-murid yang hadir dalam sebuah majlis.

Tujuan Hari Keusahawanan ini diadakan adalah untuk mengumpul dana bagi membantu anak-anak yatim. Selain itu, bertujuan untuk melatih murid-murid untuk menceburkan diri dalam perniagaan dan mendidik sifat keusahawanan dari kecil.

Gerai-gerai dan tapak jualan telah disediakan oleh pihak sekolah bagi memudahkan murid-murid membuka gerai jualan mereka. Antara gerai jualan yang terdapat adalah gerai minuman, gerai makanan, gerai kraf tangan, gerai aksesori dan sebagainya. Para peserta sangat bersemangat menyediakan barang jualan di gerai masing-masing.

Selain itu, pihak sekolah juga turut menganjurkan pameran mengenai perniagaan. Murid-murid telah didedahkan dengan kelebihan perniagaan secara atas talian. Kemudian pertandingan gerai cantik juga turut diadakan. Peserta jualan gerai yang terlibat sibuk menghias gerai masing-masing bagi memenangi pertandingan tersebut.

Majlis penutup dan penyampaian hadiah telah diadakan pada 6 Mei 2021 setelah genap seminggu Minggu Keusahawanan dijalankan. Pelbagai manfaat dan maklum balas yang positif telah diterima oleh pihak sekolah. Sambutan minggu Keusahawanan ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada semua pihak dan mereka juga menanam semangat keusahawanan dalam diri anak-anak.

Sebelum majlis bersurai, guru besar dijemput sekali lagi untuk memberikan ucapan. Beliau menyatakan rasa bangga dan gembira dengan sambutan murid-murid sepanjang minggu Keusahawanan ini dan berharap agar mereka sentiasa mengekalkan semangat ini. Tidak lupa juga, penghargaan beliau kepada semua pihak yang telah bertungkus lumus untuk menjayakan program ini.

Laporan disediakan oleh,

MASHITAH

16 Jun 2021

(AMNI MASHITAH BINTI MOHD ILYAS)

Setiausaha Kelab Koperasi,

Sekolah Kebangsaan Nail, Terengganu.

Soalan 2

Sekolah Kebangsaan Kampung Nangka telah mengadakan Hari Kokurikulum peringkat sekolah pada minggu lepas. Pelbagai aktiviti dan program diadakan bagi memeriahkan sambutan tersebut.

Sejak awal pagi lagi, semua warga sekolah telah berkumpul di dewan sekolah. Dewan tersebut telah dihias dengan pelbagai jenis bunga-bunga segar bagi menambah seri pada majlis yang diadakan. Tepat pada pukul 8.30 pagi, majlis dimulakan dengan nyanyian lagu Negaraku disertai dengan bacaan doa daripada ketua pengawas sekolah.

Seterusnya, Tuan Haji Yaakob bin Saipuddin telah dijemput untuk memberikan ucapan perasmian. Beliau mengucapkan rasa bersyukur kerana dapat berkumpul bersama-sama pada sambutan Hari Kokurikulum kali ini dan berharap agar objektif majlis ini tercapai bagi meningkatkan semangat kerjasama dan mewujudkan persaingan yang sihat dalam kalangan murid-murid dalam bidang kokurikulum.

Majlis Hari Kokurikulum dimulakan dengan persembahan kawad kaki dan tabik hormat oleh ahli pengakap sekolah kepada semua warga sekolah yang hadir. Kemudian ahli pasukan pandu puteri pula tidak ketinggalan untuk menunjukkan persembahan kawad kaki. Semua warga sekolah memberikan tepukan yang gemuruh kepada kedua-dua pasukan beruniform sekolah sebagai tanda penghargaan.

Kemudian majlis diteruskan dengan aktiviti sukaneka. Antara aktiviti yang dipertandingkan ialah larian berhalangan, aktiviti lari dalam guni, aktiviti tiup belon dan sebagainya. Para guru dan murid digabungkan dalam satu kumpulan mengikut rumah sukan masing-masing. Setiap kumpulan menunjukkan semangat kesukanan yang tinggi bagi menjuarai setiap aktiviti. Saya begitu bersemangat menyertai aktiviti menyelamatkan belon air bersama Cikgu Aish.

Sebelum bersurai, majlis penyampaian hadiah disampaikan oleh Guru Besar. Semua orang berbangga dengan kejayaan rumah sukan masing-masing. Saya pulang dengan perasaan yang amat gembira kerana dapat bersama-sama menyertai majlis Hari Kokurikulum di sekolah pada hari tersebut.